

# PTPTN, USM jalin kerjasama

Didik pelajar  
kepentingan menabung  
melalui Simpan  
SSPN dan membayar  
balik pinjaman PTPTN

Oleh NORSHAHZURA  
MAT ZUKI  
SHAH ALAM

P erbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Universiti Sains Malaysia (USM) telah memeterai kerjasama strategik bagi meneroka peluang dalam meningkatkan kesedaran berhubung kepentingan penabungan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) dan bayaran balik pinjaman PTPTN.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, melalui kerjasama strategik itu, kedua-dua pihak akan berganding bahu dalam membangun, menyokong dan memperkasa usaha-usaha penyelidik-

an bagi mengenal pasti kaedah untuk meningkatkan bayaran balik pinjaman pendidikan dan simpanan pendidikan demi jaminan masa depan pendidikan anak-anak.

"Kerjasama ini signifikan untuk mendidik pelajar mengenai kepentingan membuat bayaran balik pinjaman bagi kelestarian pinjaman kepada generasi akan datang," katanya dalam kenyataan.

Malis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) itu telah diadakan di USM, Pulau Pinang. Ahmad Dasuki mewakili PTPTN manakala USM diwakili oleh Profesor Datuk Dr Narimah Samat yang menjalankan fungsi Naib Canselor USM serta disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar pada Isnin.

Sementara itu, Narimah berkata, dengan kekuatan kepakaran dalam bidang pengurusan perniagaan dan kewangan USM, serta pengalaman yang luas dalam pengurusan pinjaman pelajar yang dimiliki PTPTN, kedua-dua pihak mampu menjalankan penyelidikan bersama yang dapat mencetuskan idea baharu khususnya dalam bidang literasi dan perancangan kewangan.

Tambahnya, PTPTN dan USM ber-



Pertukaran dokumen MoU antara Ahmad Dasuki (dua dari kiri) dan Narimah (dua dari kanan) yang disaksikan oleh Abdul Razak (tengah) di USM, Pulau Pinang pada Isnin.

setuju untuk bekerjasama merangkumi pelbagai skop antaranya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan graduan yang berkualiti agar berupaya memenuhi keperluan industri dan pembudayaan penabungan Simpan SSPN bagi seluruh warga USM.

"Kerjasama ini juga melibatkan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap bayaran balik pinjaman dan kepentingan penabungan, pemberian Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada kakitangan USM dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime serta penyampaian informasi dan promosi melalui medium hebat yang bersesuaian," jelasnya.

Narimah berkata, PTPTN adalah sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk menguruskan pinjaman bagi tujuan pendidikan tinggi serta mempunyai peranan besar dalam pembangunan modal insan negara.